

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 30 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : 8299

SOALAN:

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kuarters polis yang usang dan tidak dihuni di seluruh negara serta langkah Kerajaan untuk menjaga kebajikan keperluan perumahan kakitangan pasukan beruniform di seluruh negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah keseluruhan kuarters Polis DiRaja Malaysia (PDRM) seluruh Malaysia adalah sebanyak 64,258 unit. Namun demikian, daripada jumlah tersebut, jumlah kuarters PDRM seluruh Malaysia yang usang dan tidak diduduki adalah 8,936 unit. Berikutan permasalahan ini, Kementerian bersama PDRM telah merancang untuk melaksanakan pembaikan secara menyeluruh melalui peruntukan pembangunan dan mengurus.

Dalam pada itu, bagi mengatasi masalah kekurangan perumahan yang dihadapi oleh PDRM maka beberapa cadangan dan pelan tindakan telah dikenalpasti seperti berikut:-

- I. Menyiapkan projek-projek yang telah diluluskan dalam bajet pembangunan;**
- II. Membaiki unit kuarters yang telah rosak dalam tempoh lima (5) tahun;**
- III. Pembinaan perumahan di atas tanah PDRM;**
- IV. Pembelian perumahan dari pemaju swasta; dan**
- V. Perolehan secara "land swap".**

Selain itu, bagi menjaga kebajikan anggota polis, pihak Kementerian merancang untuk membina dua ribu unit lagi rumah mampu milik bagi anggota PDRM, antaranya di Rawang dan kawasan-kawasan yang sedang dikenalpasti.